

**UNSUR BUDAYA DALAM TERJEMAHAN
BAHASA JEPUN KE BAHASA MELAYU:
ANALISIS KARYA KONOSUKE MATSUSHITA**

oleh

NORMALIS AMZAH

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Jun 2008

PENGHARGAAN

Penyelia saya **Prof. Madya Dr. Tengku Sepora Tengku Mahdi** kerana banyak membimbing dan begitu memahami bidang ini sekaligus memudahkan saya dalam menghasilkan tesis ini.

Mentor saya dalam bidang bahasa Jepun Sensei **Etsuko Yazawa** dari Japan Foundation.

Juga kepada keluarga kerana memahami kesibukan serta meringankan beban saya dalam menyelesaikan tesis ini. Bukan sesuatu yang mudah untuk menulis tesis sambil bekerja sepenuh masa. Suami saya **Khairul Anuar Abdul Rahman**, Ibubapa saya **Amzah Hussin** dan **Jamilah Mohd** dan Ibu mertua serta anak-anak saya.

Juga buat rakan-rakan yang banyak menyokong saya selama ini.

Tidak lupa kepada pihak pentadbiran **Universiti Sains Malaysia** yang memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran di sini.

Saya berharap semoga usaha saya yang tidak seberapa ini akan memberi manfaat sekaligus memperkaya kepustakaan dalam bahasa Melayu.

KANDUNGAN

	HALAMAN
Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Senarai Rajah	vii
Abstrak	ix
Abstract	x

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Rasional Kajian dan Tujuan Kajian	1
1.1.2 Penyataan Masalah	4
1.1.3 Objektif Kajian	5
1.1.4 Kepentingan Kajian	6
1.1.5 Batasan Kajian	7
1.1.6 Bahan Kajian	8
1.1.7 Kaedah Kajian	10
1.1.8 Organisasi Kajian	11
1.2 Latar Belakang Bahasa Jepun	12
1.2.1 Sistem Fonetik Bahasa Jepun	12
1.2.2 Sistem Tulisan Bahasa Jepun	15
1.2.3 Tatabahasa Bahasa Jepun	17
1.2.4 Sociolinguistik Bahasa Jepun	26

BAB 2 TINJAUAN KAJIAN DAN PENULISAN BERKAITAN

2.1 Perkembangan Ilmu Terjemahan	29
----------------------------------	----

2.1.1 Terjemahan Literal dan Terjemahan Bebas	30
2.1.2 Persamaan (<i>Equivalence</i>)	31
2.2 Budaya dan Terjemahan	34
2.2.1 Leksis Budaya	36
2.2.2 Metafora atau Bahasa Kiasan	40
2.2.3 Unsur Budaya Struktural	40
2.2.4 Unsur Budaya Konseptual	42
2.3 Budaya dalam Bahasa Jepun	43
2.3.1 Kata Hormat	44
2.3.2 Ungkapan Memberi dan Menerima	46
2.3.3 Penggunaan Gelaran Dalam Bahasa Jepun	50
2.3.4 Bahasa Kiasan Bahasa Jepun	52
2.3.5 Budaya Konseptual Bahasa Jepun	53
2.4 Analisis Teks	55
2.4.1 Fungsi Analisis Teks	56
2.4.2 Takrifan Teks	57
2.4.3 Jenis dan Fungsi Teks	58
2.4.4 Analisis Makro dan Analisis Mikro	63
2.5 Kaedah Terjemahan Unsur Budaya	67

BAB 3 PEMBENTUKAN KERANGKA TEORI DAN KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Analisis Teks	71
3.2 Analisis Makro	72
3.2.1 Faktor Kewujudan Teks Terjemahan	72
3.2.2 Analisis Makro Teks Sumber	73
3.3 Analisis Mikro	75

3.3.1 Ukuran Koheren Teks	75
3.3.2 Perincian Unsur Budaya	79
3.3.3 Pembahagian Kaedah Terjemahan Unsur Budaya	81
 BAB 4 ANALISIS DAN RUMUSAN HASIL DAPATAN	
4.1 Hasil Dapatan Analisis Faktor Kewujudan Teks Terjemahan	84
4.2 Hasil Dapatan Analisis Makro Teks Sumber	88
4.2.1 Reputasi Pengarang Teks Sumber	89
4.2.2 Analisis Makro 商売の心得帖 <small>shoubai no kokoro o choushu</small>	97
4.2.3 Analisis Makro 経営の心得帖 <small>keiei no kokoro o choushu</small>	99
4.2.4 Analisis Makro 経営のコツこなりと気づいた価値は百万両 <small>keiei no kotsu kokonari to kidzuita kachi wa hyakumanryou</small>	101
4.2.5 Analisis Makro 決断の経営 <small>ketsudan no keiei</small>	103
4.2.6 Rumusan Analisis Makro Teks Sumber	104
4.3 Analisis Makro Teks Terjemahan	105
4.4 Taburan Kemunculan Unsur Budaya	108
4.5 Rumusan Kemunculan Realia	109
4.5.1 Analisis Kuantitatif Kemunculan Realia	109
4.5.2 Analisis Kualitatif Kemunculan Realia	111
4.5.3 Kaedah Terjemahan Realia	122
4.6 Rumusan Kemunculan Kata Hormat (敬語 <small>keigo</small>)	125
4.6.1 Analisis Kuantitatif Kemunculan Kata Hormat	125
4.6.2 Analisis Kualitatif Kemunculan Kata Hormat	126
4.6.3 Kaedah Terjemahan Kata Hormat	131

4.7 Rumusan Kemunculan Ungkapan Memberi dan Menerima (授受表現 ^{kyu jyu hyougen})	133
4.7.1 Analisis Kuantitatif Kemunculan Ungkapan Memberi dan Menerima	133
4.7.2 Analisis Kualitatif Kemunculan Ungkapan Memberi dan Menerima	133
4.7.3 Kaedah Terjemahan Yang Digunakan	139
4.8 Rumusan Kemunculan Bahasa Kiasan	140
4.8.1 Analisis Kualitatif	140
4.8.2 Kaedah Terjemahan Yang Digunakan	142

BAB 5 RUMUSAN HASIL DAPATAN DAN KESIMPULAN KAJIAN

5.1 Kesimpulan Kemunculan Unsur Budaya	143
5.2 Kesimpulan Kaedah Terjemahan Unsur Budaya	146
5.3 Usul Penyelidikan Seterusnya	152

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN A : Data Kutipan Analisis Mikro

LAMPIRAN B : Senarai Penerbitan Buku Konosuke Matsushita

LAMPIRAN C: Senarai Buku Konosuke Matsushita Yang Telah Diterjemahkan

LAMPIRAN D: Muka Depan dan Kandungan Teks Terjemahan

LAMPIRAN E : Muka Depan dan Kandungan Teks Sumber 商売心得帖

LAMPIRAN F : Muka Depan dan Kandungan Teks Sumber 経営心得帖

LAMPIRAN G : Muka Depan dan Kandungan Teks Sumber 経営のコツこなりと気づいた価値は百万両

LAMPIRAN H : Muka Depan dan Kandungan Teks Sumber 決断の経営

LAMPIRAN I : Senarai Bab Teks Terjemahan Dalam Teks Sumber

SENARAI RAJAH

Bab 1

1.1	Senarai Individu Terkaya Kurun ke 20	8
1.2	Senarai Huruf Hiragana	13
1.3	Senarai Jenis dan Fungsi Tulisan Jepun	15
1.4	Senarai Huruf Katakana	16
1.5	Jadual Penggunaan Kanji	16
1.6	Jadual Klasifikasi Perkataan Bahasa Jepun	18
1.7	Senarai Jenis dan Bentuk Kata Kerja Bahasa Jepun	20
1.8	Jadual Kala Kini dan Lampau Untuk Kata Kerja Bahasa Jepun	21
1.9	Senarai Jenis-Jenis Kata Sifat Bahasa Jepun	22
1.10	Jadual Kala Kini dan Lampau Untuk Kata Sifat Bahasa Jepun	23
1.11	Jadual Fungsi Partikel Bahasa Jepun	25

Bab 2

2.1	Senarai Kategori Perkataan Budaya Newmark (1988)	37
2.2	Senarai Kategori Realia Florin (1993)	37
2.3	Senarai Contoh Kata Hormat Bahasa Jepun	44
2.4	Rajah Ungkapan Memberi dan Menerima 1	47
2.5	Rajah Ungkapan Memberi dan Menerima 2	48
2.6	Rajah Ungkapan Memberi dan Menerima 3	49
2.7	Jadual Penggunaan Ungkapan Memberi dan Menerima	49
2.8	Flowchart of Japanese Suffixes of Address and Reference	51

2.9	Rajah Kepelbagaian Bahasa Halliday, McIntosh dan Stevens (1964)	55
2.10	Rajah Fungsi Teks Newmark (1988)	60

Bab 4

4.1	Carta Taburan Kemunculan Unsur Budaya	109
4.2	Carta Kemunculan Realia	109
4.3	Carta Kaedah Terjemahan Realia	122
4.4	Carta Kemunculan Kata Hormat	125
4.5	Carta Kaedah Terjemahan Kata Hormat	131
4.6	Carta Kemunculan Ungkapan Memberi dan Menerima	133
4.7	Carta Kaedah Terjemahan Ungkapan Memberi dan Menerima	139
4.8	Carta Kaedah Terjemahan Bahasa Kiasan	142

UNSUR BUDAYA DALAM TERJEMAHAN
BAHASA JEPUN KE BAHASA MELAYU:
ANALISIS KARYA KONOSUKE MATSUSHITA

ABSTRAK

‘Bahasa Jepun melambangkan kebudayaan Jepun’ dan ‘Budaya dan terjemahan tidak boleh dipisahkan’. Kajian ini bertujuan melihat pengaruh kewujudan unsur budaya dalam terjemahan teks pengurusan daripada bahasa Jepun ke bahasa Melayu. Bahan kajian ialah hasil karya penulis dan usahawan terkemuka Jepun, Konosuke Matsushita, yang juga pengasas syarikat gergasi Matsushita Electric yang sekarang dikenali sebagai National Panasonic. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah Analisis Teks yang merangkumi analisis dari sudut makro dan mikro. Analisis makro melihat teks secara keseluruhan dan analisis mikro pula melihat unit-unit tertentu dalam teks yang tertumpu pada unsur budaya dalam bahasa Jepun. Unsur budaya yang dianalisis terhad kepada empat jenis sahaja iaitu **Realia**, **Kata Hormat**, **Ungkapan Memberi dan Menerima** dan **Bahasa Kiasan**. Analisis melihat kekerapan kemunculan, pengaruh konteks dan aspek koheren dalam teks sumber dan teks terjemahan. Juga dikaji kaedah terjemahan yang digunakan oleh penterjemah untuk menangani unsur-unsur budaya ini. Analisis mendapati unsur budaya **Realia**, **Kata Hormat** dan **Ungkapan Memberi dan Menerima** mempunyai peratusan kemunculan yang hampir sama iaitu lebih kurang 30% dan bahasa kiasan hanya mempunyai peratusan kekerapan sebanyak 12%. Kaedah terjemahan yang dipilih lebih mengutamakan pengekalan koheren teks terjemahan berbanding penjelmaan unsur budaya tersebut dalam teks terjemahan.

**CULTURAL ELEMENTS IN TRANSLATING JAPANESE TO MALAY:
ANALYSIS OF BOOKS WRITTEN BY KONOSUKE MATSUSHITA**

ABSTRACT

'Japanese Language symbolizes Japanese Culture' and 'Cultural Elements is a crucial aspect in translation'. This thesis reveals the truth of those two statements. The material for this research is a world famous book written by a well-known businessman cum business author in Japan, Konosuke Matsushita the founder of Matsushita Electric or National Panasonic. The methodology for this thesis is Text Analysis. The material is analyzed from micro and macro points of view where the Macro analysis focuses on the text as a whole and micro analysis represents a more specific analysis on certain items. The cultural elements analyzed are limited to four types namely Realia, Honorific Expressions, Give and Take Expressions and Idiomatic Expressions. This analysis looks at the frequency of occurrence, context and coherence of the text. It examines the method of translation chosen by the translator to accommodate these cultural elements. The findings show that the elements Realia, Honorific Expressions and Give and Take Expressions have almost the same frequency of occurrence of approximately 30% while that of idiomatic expression is only 12%. It is also found that translation methods chosen show the translator's preference for methods which maintain the coherence of the text rather than the emergence of the cultural elements in the translated text.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Bab 1 terdiri daripada dua bahagian utama iaitu bahagian 1.1 Latar Belakang Kajian dan 1.2 Latar Belakang Bahasa Jepun. Latar belakang kajian akan membentangkan perkara-perkara umum yang memberi kewajaran serta penerangan tentang susun atur pelaksanaan kajian ini. Perkara-perkara yang dibincangkan dalam latar belakang kajian ialah rasional dan tujuan kajian, persoalan kajian, bahan kajian, kaedah kajian, batasan kajian dan organisasi kajian.

1.1.1 Rasional dan Tujuan Kajian

Menurut pernyataan Datuk Dr. Hassan Ahmad iaitu mantan Pengarah DBP dalam temuramahnya yang disiarkan dalam Utusan Malaysia;

Sejak 30 tahun yang lalu, hanya 800 hingga 1,000 buah buku pengajian tinggi atau "buku ilmu tinggi" yang diterbitkan dalam bahasa Melayu. Mengikut tahun, pada skala masa 1970 hingga 1989, hanya 462 buah buku - meliputi bidang kemanusiaan atau sains sosial (182 tajuk) dan bidang sains dan teknologi (280 tajuk) diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Utusan Malaysia 4 Jun 2001

Dalam artikel bertajuk 'Perkembangan Bahasa' pula, Mohd Mansor Hj Salleh pula menulis;

Walaupun sudah 44 tahun merdeka, kita masih menghadapi kekurangan bahan bacaan/rujukan dalam bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi. Kini terdapat 10 buah IPTA yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang mengajar sekitar 4000 mata pelajaran dalam pelbagai bidang. Keperluan ini amat mendesak dan satu cara untuk memenuhi keperluan ini adalah dengan terjemahan.

Dewan Bahasa Mei 2002

Melalui dua pernyataan di atas boleh disimpulkan bahawa penerbitan ilmu di negara kita adalah lemah. Institusi pendidikan tinggi negara menghadapi kekurangan sumber bacaan dalam bahasa Melayu dan salah satu cara mengatasi masalah ini adalah melalui terjemahan.

Terjemahan merupakan asas pembinaan pustaka ilmu sesuatu bangsa dan pustaka ilmu itu menentukan pembangunan tamadun bangsa seperti yang diutarakan oleh Abdullah Hassan (2007) dalam kertas kerja dasar Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke 11. Keadaan ini kerana ilmu itu datang daripada pelbagai bahasa dan tamadun.

Jika tamadun Eropah berjaya menempuhi zaman kegelapan menerusi aktiviti terjemahan daripada bahasa Arab maka tidak mustahil tamadun Melayu boleh melakukan perkara yang sama dengan mencedok ilmu daripada bangsa yang lebih maju. Usul seumpama ini boleh dilihat pada pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menyebut serba sedikit latar belakang dasar ini, Mohd Nazri Ibrahim dalam artikel yang dimuatkan dalam Dewan Masyarakat keluaran Jun 2002 menyatakan bahawa Dr Khadijah Khalid dalam kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Dasar Pandang Ke Timur : Cabaran dan Sumbangan menyebut, Dr Mahathir pada masa itu telah berhujah bahawa sikap negatif rakyat Malaysia, terutamanya Melayu terhadap kerja dan produktiviti berpunca daripada kesalahan mereka yang memandang tinggi kepada negara Barat sejak sekian lamanya. Dr Khadijah berkata lagi “Tidak hairanlah hubungan Malaysia dan Jepun semakin intim dan ketakjuban terhadap kualiti unik masyarakat Jepun menjadi semakin nyata pada masa itu apabila hubungan dengan British menjadi semakin keruh. Gaya pengurusan Jepun dan etika kerjanya dilihat lebih superior daripada negara Barat”.

Dalam artikel yang sama juga dinyatakan bahawa Tan Sri Muhamed Khatib Abdul Hamid Pengerusi Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana menyebut, “Dasar itu dilaksanakan untuk mengubah minda rakyat khususnya orang Melayu”.

Salah satu cara pelaksanaan dasar itu adalah dengan menghantar pelajar melanjutkan pelajaran ke negara Asia Timur iaitu Jepun dan Korea. Namun penghantaran pelajar ke sana tidak mencukupi dalam usaha mencapai sasaran dasar seperti yang disebut oleh Prof. Dr Omar Farouk Bajunid dalam artikel Mohd Nazri (2002);

Jumlah graduan yang mendapat pendidikan di Jepun dan Korea Selatan secara relatifnya kecil berbanding lulusan dari negara Barat. Jadi, berdasarkan jumlah yang kecil itu, adalah sukar untuk membayangkan impaknya pada negara.

Penyelidik bersetuju dengan pernyataan Prof. Dr Omar Farouk Bajunid di atas dan percaya galakan aktiviti terjemahan Jepun-Melayu sebenarnya layak dianggap sebagai salah satu cara untuk mencapai matlamat Dasar Pandang ke Timur. Walaupun jumlah pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Jepun agak kecil tetapi ilmu yang diperoleh oleh bilangan pelajar yang kecil itu boleh dikongsi dan disebarkan melalui aktiviti terjemahan.

Selain menghantar pelajar ke sana, masyarakat Malaysia boleh mempelajari ilmu daripada masyarakat Asia Timur melalui pembacaan buku-buku dari Jepun atau Korea. Pelajar-pelajar yang dihantar oleh kerajaan ke sana boleh berkongsi ilmu dengan masyarakat Malaysia dengan menggunakan kemahiran berbahasa Jepun untuk menterjemahkan buku-buku Jepun.

Hasrat kerajaan yang ingin rakyat Malaysia mempelajari sistem pengurusan Jepun mewajarkan lagi aktiviti penterjemahan buku-buku pengurusan dalam Bahasa Jepun. Penyelidik berpendapat bahawa terjemahan buku-buku Jepun, terutamanya berkaitan Ekonomi dan Pengurusan adalah salah satu cara mencapai sasaran dasar ini.

Dalam menumpukan perhatian pada ilmu pengurusan perniagaan Jepun, satu tokoh yang tidak boleh dilupakan ialah Konosuke Matsushita yang digelar *Management God* (Brand New Osaka: 2007). Telah hampir 20 tahun meninggal dunia dan sehingga kini nama itu tidak berapa dikenali di luar Jepun. Walau bagaimanapun jika disebut Matsushita Electric atau *National Panasonic*, hampir seluruh dunia mengenali jenama itu. Malahan hampir setiap isi rumah di dunia memiliki sekurang-kurangnya satu produk keluaran syarikat tersebut.

Tun Mahathir Mohamad dalam ulasannya mengenai buku Bukan Kerana Periuk Nasi Sahaja (1987) menyebut, "Riwayat Konosuke Matsushita adalah satu teladan yang boleh dicontohi".

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas, terbukti perlunya kajian berkaitan terjemahan bidang pengurusan daripada bahasa Jepun ke dalam bahasa Melayu. Hasil karya Konosuke Matsushita pula wajar dikaji. Namun walaupun kajian ini akan tertumpu pada hasil karya Konosuke Matsushita, ia tetap mempunyai sasaran untuk mengembangkan lagi bidang terjemahan di Malaysia khususnya terjemahan daripada bahasa Jepun kepada bahasa Melayu. Perkembangan ini diharap dapat memperkayakan lagi bidang ilmu terjemahan di Malaysia sekaligus memperkayakan lagi industri penerbitan negara seperti yang diutarakan oleh Datuk Hassan Ahmad. Selain menambah kuantiti, kajian ini juga diharap dapat memberi panduan kepada penterjemah dalam meningkatkan lagi kualiti buku terjemahan di Malaysia.

1.1.2 Penyataan Masalah

Kajian perbandingan terjemahan antara bahasa Jepun kepada bahasa Melayu telah dilaksanakan namun kebanyakan kajian dilakukan terhadap bahan dalam bidang sastera atau drama-drama Jepun. Kajian terjemahan bahasa Jepun-Melayu dalam bidang pengurusan perniagaan masih belum dilakukan dan kajian ini diharap dapat memenuhi kelompongan tersebut. Kajian ini bukan sekadar memenuhi kelompongan dalam bidang tersebut tetapi turut menjadi penggalak kepada aktiviti terjemahan buku-buku dalam bidang pengurusan daripada bahasa Jepun ke bahasa Melayu.

Selain memenuhi kelompongan tersebut, kajian ini turut memenuhi satu lagi kelompongan iaitu mengkaji dan membandingkan unsur-unsur budaya dalam bahasa Jepun. Kajian-kajian sebelum ini menumpukan pada unsur-unsur linguistik seperti leksikal, partikel, kata nama, kata kerja dan sistem kala. Unsur budaya dalam bahasa Jepun yang pernah dikaji hanyalah unsur metafora. Kajian ini akan menambahkan kajian terhadap aspek tersebut.

Dalam kajian bidang terjemahan terkini, unsur budaya dalam terjemahan menjadi perhatian para sarjana. Dalam masa yang sama juga, para pengkaji bahasa Jepun kerap menimbulkan isu betapa bahasa Jepun amat dipengaruhi budaya Jepun. Kepelbagaian ungkapan

serta leksikal yang berperanan untuk menentukan taraf kesantunan bahasa menjadi bukti bahawa budaya Jepun amat menitikberatkan taraf atau kedudukan sosial seorang individu.

Kajian ini ingin melihat pengaruh unsur budaya tersebut dalam teks pengurusan kerana seperti yang diketahui umum, ilmu pengurusan sebenarnya melibatkan pengurusan manusia. Adakah unsur budaya memberi pengaruh pada teks sumber dan secara langsung memberi pengaruh dalam tugas menterjemah teks sumber tersebut?

Pengaruh budaya dalam bahasa Jepun dilihat dalam ujaran oleh seorang pengkaji budaya dan bahasa Jepun, De Menter seperti berikut;

Orang luar yang mempelajari bahasa Jepun tetapi tidak mempelajari budaya orang Jepun, tidak akan berkemampuan untuk berkomunikasi dengan baik dengan masyarakat Jepun dan menimbulkan kejanggalan ketika berkomunikasi dengan masyarakat tersebut. **Akibat daripada pengaruh budaya yang cukup kuat, bahasa Jepun menjadi satu bahasa yang amat sukar untuk diterjemahkan.** Jika diterjemahkan secara literal tanpa mengambil kira unsur budaya ia menimbulkan kekeliruan terhadap masyarakat luar dan masyarakat Jepun itu sendiri

De Mente(1997: 392).

Seterusnya pengaruh budaya dalam terjemahan pula tidak dapat dinafikan lagi seperti ujaran berikut;

Perbezaan antara budaya yang ketara akan meninggikan kecenderungan dalam penghasilan terjemahan yang tidak sempurna berbanding perbezaan dari segi linguistik.

Nida (2000)

Penyataan di atas menimbulkan dua permasalahan umum iaitu bagaimanakah budaya Jepun mempengaruhi bahasa Jepun dan benarkah bahasa Jepun adalah satu bahasa yang amat sukar untuk diterjemahkan?

1.1.3 Objektif Kajian

Bertitik-tolak daripada pernyataan masalah di atas, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan atau objektif berikut;

1. Mengenalpasti jenis atau ciri-ciri unsur budaya yang wujud dalam teks pengurusan perniagaan hasil karya Konosuke Matsushita.
2. Meneliti kaedah terjemahan yang telah digunakan untuk menterjemahkan unsur budaya tersebut daripada bahasa Jepun kepada bahasa Melayu. Ia juga akan mengenalpasti sama ada wujud satu kaedah khusus yang digunakan untuk menterjemahkan unsur budaya ini.
3. Mengukur setakat mana terjemahan yang telah digunakan dapat menjelmakan sepenuhnya makna unsur budaya tersebut dalam teks sasaran yang berbahasa Melayu.

1.1.4 Kepentingan Kajian

Melalui ulasan-ulasan yang dinyatakan sebelum ini, penulis merumuskan bahawa kajian ini penting dalam bidang terjemahan bahasa Jepun ke bahasa Melayu. Secara khususnya, hasil kajian ini dapat;

- Menghuraikan serta membuktikan teori bahawa bahasa Jepun dilingkungi budaya. Penghuraian ini dapat membuktikan kepentingan budaya dalam bahasa Jepun dan menanam kesedaran kepada para penterjemah bahasa Jepun - bahasa Melayu agar mengambil kira unsur budaya dalam tugas penterjemahan. Ia juga membuka laluan kepada para pengkaji bahasa Jepun untuk mengkaji unsur-unsur selain unsur-unsur yang pernah dikaji sebelum ini.
- Kajian ini dapat membuka ruang baru pada penyelidikan terjemahan dengan menggunakan kaedah analisis teks dan tumpuan lebih meluas daripada teks sastera semata-mata kepada kepada teks pengurusan.
- Penyelidikan ini meneruskan usaha menterjemahkan buku pengurusan bahasa Jepun ke bahasa Melayu yang pernah dilakukan hampir 20 tahun lampau sebagai salah satu aktiviti penggalakan Dasar Pandang Ke Timur. Semoga usaha ini menjadi pemangkin agar lebih banyak lagi usaha penterjemahan dan penerbitan buku-buku bidang pengurusan bahasa Jepun ke dalam bahasa

Melayu. Usaha penterjemahan dan penerbitan ini sebenarnya mampu mencapai dua objektif sekaligus iaitu objektif dasar pandang ke timur dan objektif untuk memperkayakan pustaka dalam bahasa Melayu.

1.1.5 Batasan Kajian

Walaupun kajian ini berkenaan terjemahan teks sumber berbahasa Jepun, tetapi kajian ini mempunyai batasan tertentu untuk memastikan data atau kutipan yang diperoleh mudah untuk dijustifikasikan berdasarkan sumber yang setara atau sama. Batasan yang perlu ditegaskan di sini ialah;

1. Bahan yang dianalisis terbatas kepada teks mengenai bidang pengurusan perniagaan yang dikarang oleh Konosuke Matsushita. Batasan yang menghadkan kepada hanya satu pengarang sahaja ialah untuk mengawal dapatan yang boleh didasarkan pada satu faktor sahaja sesuai dengan skala tesis sarjana ini.
2. Matsushita dipilih berdasarkan pada fakta beliau diiktiraf sebagai antara usahawan paling berjaya di Jepun. Mungkin ciri-ciri yang dipaparkan oleh karyanya lebih bersifat sebagai ciri-ciri peribadi dan bukan mewakili karya pengurusan perniagaan Jepun secara keseluruhan tetapi kewibawaan dan pengiktirafan yang diterima daripada negara dan masyarakat Jepun membuktikan ciri-ciri tersebut diterima sebagai mewakili salah satu ciri-ciri kejayaan Jepun dalam bidang pengurusan Jepun.
3. Walaupun Matsushita telah menghasilkan beberapa buah buku berkaitan pengurusan yang boleh dijadikan bahan analisis, hanya satu buku karya Matsushita yang terdapat dalam bahasa Melayu. Walaupun pada zahirnya hanya sebuah buku dalam bahasa Melayu dianalisis tetapi sebenarnya buku terjemahan ini adalah kombinasi daripada empat buah buku asal dalam bahasa Jepun karya Matsushita.
4. Melihat kepada takrifan budaya yang cukup luas, penyelidik menetapkan batasan bahawa kajian ini hanya tertumpu pada unsur budaya yang disenaraikan dalam bab 3.

1.1.6 Bahan Kajian

Karya Konosuke Matsushita dipilih untuk dianalisis kerana kewibawaan Konosuke Matsushita itu sendiri. Walaupun beliau telah meninggal dunia hampir 20 tahun yang lampau, peninggalannya masih kekal hingga ke hari ini. Peninggalan Matsushita adalah syarikat yang diasaskan olehnya iaitu syarikat gergasi Matsushita Electric dan buku-buku hasil tulisannya yang masih dijual hingga ke hari ini walaupun selepas hampir 30 tahun penerbitan pertamanya. Malahan ketika hayatnya beliau turut mendirikan PHP Institute yang bertanggungjawab menggalakkan kajian dan perkembangan ilmu berkaitan pengurusan perniagaan dan memasarkan buku-buku karyanya serta apa juga tinggalannya yang boleh digunakan untuk kepentingan masyarakat.

Di Malaysia sendiri, ketika hayatnya Konosuke Matsushita pernah mendapat anugerah yang membawa gelaran Tan Sri kepada beliau. Selain sebagai pengasas jenama National Panasonic, siapakah sebenarnya Konosuke Matsushita?

Beliau diiktiraf insan terkaya pada kurun ke 20, sebelum Bill Gates mengambil alih. Senarai tersebut dipetik dari buku Kotter (1997:5).

Jadual 1.1
Senarai Individu Terkaya Kurun ke 20.

Famous 20th-Century Entrepreneurs*

Name	Company	Revenue Growth (Billions of 1994 Dollars)†
Konosuke Matsushita	Matsushita Electric	\$49.5
Soichiro Honda	Honda Motor Co., Ltd.	\$35.5
Sam Walton	Wal-Mart Stores, Inc.	\$35.0
Akio Morita	Sony Corporation	\$33.7
David Packard/William Hewlett	Hewlett-Packard Company	\$20.6
James Cash Penney	J.C. Penney Company, Inc.	\$17.4
Ken Olsen	Digital Equipment Corporation	\$14.5
Henry Ford	Ford Motor Company	\$10.3
Andy Grove‡	Intel Corporation	\$8.9
Ray Kroc	McDonald's Corporation	\$4.7
Bill Gates‡	Microsoft Corporation	\$3.8

*Not a complete list of the most successful entrepreneurs.

†Growth while the entrepreneur was associated with the firm in either operating or nonoperating roles. Figures go through mid-1994.

‡Still running their firms.

Selain usahawan yang unggul, Matsushita juga seorang penulis yang prolifik. Selepas mencapai kejayaan yang hebat sebagai seorang ahli perniagaan, Matsushita mula mengalih tumpuan daripada seorang usahawan yang sentiasa berfikir untuk memuaskan hati pengguna di samping mendapat keuntungan, beliau mula memikirkan masalah yang lebih besar daripada itu. Perubahan ini berlaku selepas meletusnya perang dunia kedua dan syarikat beliau bertukar peranan seketika, daripada sebuah pengeluar barang elektrik untuk pengguna kepada sebuah perusahaan yang mengeluarkan barangan untuk kegunaan tentera Jepun yang terlibat dalam perang ketika itu.

Matsushita mula memberi tumpuan kepada aspek kemanusiaan dan pendidikan. Usaha Matsushita tertumpu kepada pengurusan manusia yang baginya menjadi kunci utama dalam pengurusan yang cemerlang. Bertitik tolak daripada perubahan ini, Matsushita mula menceburi bidang pendidikan dan mula menyebarkan ilmu dengan menulis dan menerbitkan buku-buku pengurusan perniagaan (Rujuk lampiran B) .

Berdasarkan reputasinya, hasil-hasil karya beliau begitu popular di Jepun dan banyak diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. (Rujuk lampiran C). Salah satu yang cukup popular ialah karya terjemahan bertajuk '*Not For Bread Alone*' yang diterbitkan pada tahun 1984. *Not For Bread Alone* terdiri daripada tajuk-tajuk yang dipilih daripada 4 buah buku karya Matsushita dalam bahasa Jepun iaitu ^{syoubain okokoro e chou-} 商売の心得帖-Panduan Selok Belok Perniagaan, ^{keiein okokoro e chou} 経営の心得帖-

Panduan Selok Belok Pengurusan, ^{keieinokotsukokonaritokidzuitakachiwa hyakumanryou} 経営のコツここなりと気づいた価値は百万両- Sejuta Rahsia Pengurusan dan ^{ketsudann o keiei} 決断の経営- Pengurusan dalam Membuat Keputusan.

Keempat-empat buku asal dalam bahasa Jepun ini terdiri daripada berpuluh-puluh cerita pendek atau makalah. Makalah-makalah tersebut dipilih dan disusun semula dalam bahagian-bahagian tertentu seterusnya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris menjadi buku *Not For Bread Alone*. Versi *Not For Bread Alone* dalam bahasa Melayu diberi tajuk *Bukan Kerana*

Periuk Nasi Sahaja. Hanya susun atur atau struktur tajuk makalah sahaja diambil daripada buku versi bahasa Inggeris, tetapi tugas-tugas penterjemahan ke dalam bahasa Melayu dilakukan terus daripada bahasa Jepun seperti yang dinyatakan dalam ruangan Prakata buku Bukan Kerana Periuk Nasi Sahaja (lihat Lampiran D-3) .

Buku Bukan Kerana Periuk Nasi Sahaja dipilih kerana ia adalah rangkuman empat buah buku menjadi satu dan buku ini adalah satu-satunya buku karya Matsushita yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Melihat kepada reputasi hasil karya Matsushita ini, penyelidik menggolongkannya sebagai Buku Pengurusan Popular dan melihat kepada bilangan hasil karya yang banyak, adalah wajar jika sebahagian daripada tajuk-tajuk dalam bahasa Jepun tersebut cuba diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Ini selari dengan tujuan terjemahan ini dilakukan iaitu salah satunya untuk memperkayakan lagi aktiviti penerbitan dan terjemahan negara. Jika sebelum ini tumpuan banyak diberikan pada pengurusan barat, terjemahan karya Matsushita dilihat dapat meluaskan lagi pemikiran pembaca di Malaysia supaya melihat kaedah pengurusan dari Asia Timur khususnya Jepun. Analisis mengenai Matsushita itu sendiri akan penyelidik nyatakan secara lebih terperinci dalam bab 4 Makro Analisis.

1.1.7 Kaedah Kajian

Dalam usaha mendalami sesebuah teks untuk tujuan menterjemahkan atau mengkaji, kaedah analisis teks adalah antara kaedah yang dapat memberikan jawapan kepada pelbagai persoalan terhadap teks tersebut.

Kajian ini akan menggunakan kaedah Analisis Teks sebagai kaedah kajian dalam usaha menjawab persoalan-persoalan kajian seperti yang dinyatakan dalam bahagian kecil 1.1.2. Analisis Teks secara menyeluruh atau makro analisis akan diikuti dengan analisis aspek tertentu dalam tesis yang dikenali sebagai mikro analisis.

Analisis teks akan dilakukan terhadap keempat-empat teks sumber dan satu teks terjemahan.

Tinjauan mengenai kaitan antara Analisis Teks dan terjemahan akan dimuatkan dalam bab 2. Analisis Makro dilaksanakan terlebih dahulu sebelum melakukan analisis mikro. Analisis mikro kajian ini akan tertumpu pada aspek unsur budaya kerana persoalan kajian lebih menumpukan pada aspek unsur budaya.

1.1.8 Organisasi Kajian

Tujuan organisasi kajian ini adalah sebagai panduan kepada pembaca tesis untuk lebih mudah memahami tesis ini serta kepada penyelidik sendiri dalam menyusun atur kajian ini.

Tesis ini bermula dengan bab Pengenalan yang terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu 1.1 Latar belakang kajian dan 1.2 Latar belakang bahasa Jepun. Latar belakang kajian memberikan gambaran awal tentang kajian ini. Gambaran awal ini diharap dapat membantu pembaca tesis ini agar lebih memahami sebab sesuatu perkara dinyatakan dalam tesis ini. Bahagian 1.1 terdiri daripada rasional dan tujuan kajian iaitu sebab yang menunjukkan keperluan kajian ini dilakukan serta manfaat yang mungkin diterima oleh bidang berkaitan melalui kajian ini. Bahagian Penyataan Masalah, Objektif Kajian, Kepentingan Kajian, Bahan Kajian, Kaedah Kajian dan Batasan Kajian adalah sebagai panduan serta penunjuk arah kepada penyelidik dalam melaksanakan kajian ini. Seterusnya penjelasan mengenai Konosuke Matsushita; pengarang teks sumber turut diberikan sebagai memberi justifikasi dalam pemilihan karya beliau sebagai bahan kajian. Persoalan serta batasan ini memberi kewajaran yang jelas kepada hasil kutipan dan rumusan yang diperoleh daripada kajian ini.

Penerangan asas berkenaan bahasa Jepun itu dimuatkan dalam bahagian 1.2 Latar Belakang Bahasa Jepun. Ini sebagai panduan kepada pembaca tesis yang tidak memahami bahasa Jepun.

Bab 2 pula menyatakan tinjauan penyelidik tentang kajian dan penulisan yang berkaitan dengan kajian ini. Tinjauan kajian bermula dengan melihat perkembangan ilmu terjemahan sehingga kepada budaya dalam terjemahan. Seterusnya penyelidik melihat kewujudan unsur

budaya dalam bahasa Jepun. Tinjauan diteruskan dengan tajuk analisis teks sebagai panduan dalam merangka kaedah penyelidikan. Perbincangan tentang analisis teks diikuti pula dengan perbincangan tentang kaedah terjemahan yang tertumpu pada kaedah terjemahan unsur budaya.

Pembentukan kerangka teori dan kaedah kajian dinyatakan secara terperinci dalam bab 3. Bab Kerangka Teori dan Kaedah Kajian ini merupakan lanjutan kepada tinjauan dalam bab 2. Selepas itu, analisis dilakukan berdasarkan kerangka teori dan kaedah tersebut. Hasil dapatan analisis dibentangkan dan seterusnya dirumuskan dalam bab 4.

Bab terakhir iaitu bab 5 melihat hasil kajian secara keseluruhan dan melihat kepentingannya terhadap perkembangan ilmu terjemahan itu sendiri. Usul untuk penyelidikan seterusnya turut diutarakan dalam bab 5.

1.2 Latar Belakang Bahasa Jepun

Dalam tesis ini, bahasa Jepun atau *nihongo* adalah bahasa sumber yang dianalisis. Berikut dinyatakan ciri-ciri asas bahasa Jepun untuk memudahkan pemahaman tesis ini. Sifat-sifat bahasa Jepun diperjelaskan mengikut sifat sebutan, sistem huruf, tatabahasa, perbendaharaan kata dan budaya dalam bahasa Jepun.

1.2.1 Sistem Fonetik Bahasa Jepun

Dari segi fonetik, bahasa Jepun dikatakan bahasa yang mudah kerana suku katanya adalah ringkas dan mudah. Perkataan-perkataan bahasa Jepun dibentuk daripada rajah huruf berikut atau dikenali sebagai ^{gojyuuonhyou}五十音表. Setiap huruf melambangkan satu sukukata.

Jadual 1.2
Senarai Huruf Hiragana

あ <small>a</small>	い <small>i</small>	う <small>u</small>	え <small>e</small>	お <small>o</small>			
か <small>ka</small>	き <small>ki</small>	く <small>ku</small>	け <small>ke</small>	こ <small>ko</small>	きゃ <small>ky a</small>	きゅ <small>ky u</small>	きょ <small>ky o</small>
が <small>ga</small>	ぎ <small>gi</small>	ぐ <small>gu</small>	げ <small>ge</small>	ご <small>go</small>	ぎゃ <small>gy a</small>	ぎゅ <small>gy u</small>	ぎょ <small>gy o</small>
さ <small>sa</small>	し <small>shi</small>	す <small>su</small>	せ <small>se</small>	そ <small>so</small>	しゃ <small>sy a</small>	しゅ <small>sy u</small>	しょ <small>sy o</small>
ざ <small>za</small>	じ <small>ji</small>	ず <small>zu</small>	ぜ <small>ze</small>	ぞ <small>zo</small>	じゃ <small>ja</small>	じゅ <small>ju</small>	じょ <small>jo</small>
た <small>ta</small>	ち <small>chi</small>	つ <small>tsu</small>	て <small>te</small>	と <small>to</small>	ちゃ <small>cha</small>	ちゅ <small>chu</small>	ちょ <small>cho</small>
だ <small>da</small>	ぢ <small>dji</small>	づ <small>dzu</small>	で <small>de</small>	ど <small>do</small>			
な <small>na</small>	に <small>ni</small>	ぬ <small>nu</small>	ね <small>ne</small>	の <small>no</small>	にゃ <small>ny a</small>	にゅ <small>ny u</small>	にょ <small>ny o</small>
は <small>ha</small>	ひ <small>hi</small>	ふ <small>fu</small>	へ <small>he</small>	ほ <small>ho</small>	ひゃ <small>hy a</small>	ひゅ <small>hy u</small>	ひょ <small>hy o</small>
ば <small>ba</small>	び <small>bi</small>	ぶ <small>bu</small>	べ <small>be</small>	ぼ <small>bo</small>	びゃ <small>by a</small>	びゅ <small>by u</small>	びょ <small>by o</small>
ぱ <small>pa</small>	ぴ <small>pi</small>	ぷ <small>pu</small>	ぺ <small>pe</small>	ぽ <small>po</small>	ぴゃ <small>py a</small>	ぴゅ <small>py u</small>	ぴょ <small>py o</small>
ま <small>ma</small>	み <small>mi</small>	む <small>mu</small>	め <small>me</small>	も <small>mo</small>	みゃ <small>my a</small>	みゅ <small>my u</small>	みょ <small>my o</small>
や <small>ya</small>		ゆ <small>yu</small>		よ <small>yo</small>			
ら <small>ra</small>	り <small>ri</small>	る <small>ru</small>	れ <small>re</small>	ろ <small>ro</small>	りゃ <small>ry a</small>	りゅ <small>ry u</small>	りょ <small>ry o</small>
わ <small>wa</small>				を <small>o</small>			
ん <small>n</small>							

Dalam sebutan atau fonetik Jepun, 3 ciri istimewa ialah;

1. Bunyi panjang (^{chouon}長音); seperti perkataan ^{o b a a s a n}お祖母さん yang bermaksud nenek dan ^{o b a s a n}おばさん yang bermaksud ibu saudara(makcik).
2. Bunyi bersabdu (^{sokuon}促音); seperti perkataan ^{k i t e}きて yang bermaksud datang dan ^{k i t t e}切手 yang bermaksud setem.
3. Bunyi dengung (^{hatsuon}撥音) seperti ^{shinbun}新聞 yang bermaksud suratkhabar yang disebut shinbun.

Berdengung di tempat yang bergaris.

nihongonorizumu 日本語のリズム

Bahasa Jepun adalah satu bahasa berirama yang disebut ^{nihongonorizumu} 日本語のリズム = Irama Bahasa Jepun.

Seperti perkataan ^{a r i g a t o u g o z a i m a s u} ありがとうございます yang bermaksud 'terima kasih' disebut dalam irama berikut

^{a r i} ^{g a} ^{t o u} ^{g o z a} ⁱ ^{m a s u} 2 1 2 2 1 2

dan adalah salah jika disebut dalam irama berikut;

^a ^{r i g a} ^{t o} ^{u g o} ^{z a i} ^{m a} ^{s u} 1 2 1 2 2 1 1

boonnomuseika 母音の無性化

Bermaksud huruf vokalnya yang disenyapkan seperti contoh ^{o h a y o u g o z a i m a s u} おはようございます yang disebut ohayougozaimas dan bukannya ohayougozaimasu.

nihongonoakusento 日本語のアクセント

Aksen bahasa Jepun boleh dilihat dalam contoh-contoh berikut;

2 perkataan yang sama bunyi tetapi mempunyai aksen yang berbeza;

^{a a a} 雨 yang bermaksud hujan di sebut a (bernada tinggi) dan me (bernada rendah)

^{a a a} 飴 yang bermaksud gula-gula di sebut a (bernada rendah) dan me (bernada tinggi)

nihongonointoneshyon 日本語のイントネーション

Seperti juga bahasa Melayu, bahasa Jepun turut mempunyai intonasi yang berlainan bergantung

kepada konteks teks atau ayat. Tetapi intonasi bahasa Jepun lebih menyerlah dalam perkataan yang terakhir dalam sesuatu ayat. Seperti perkataan ^{shittteimasu} 知っています yang bermaksud kenal.

^{shittteimasu} 知っています。 (—————>) Ayat pernyataan

^{shittteimasu} 知っています。 (————>) Ayat pertanyaan

^{shittteimasu} 知っています。 (————>) Ayat pengesahan

1.2.2 Sistem Tulisan Bahasa Jepun

Bahasa Jepun kini ditulis dalam 4 jenis bentuk iaitu ^{hiragana} ひらがな、^{katakana} カタカナ、^{kanji} 漢字 dan Rumi.

Setiap jenis tulisan secara amnya mempunyai peranan berikut;

Jadual 1.3
Senarai Jenis dan Fungsi Tulisan Jepun

^{hiragana} ひらがな	<ol style="list-style-type: none"> 1. Huruf yang melambangkan bunyi dan sukukata. 2. Bentuknya diambil sebahagian daripada bentuk Kanji 3. Kamus disusun mengikut susunannya. 4. Melambangkan sebutan ^{hon} kanji seperti 本 = hon = buku. 5. Diletakkan selepas kanji untuk memberi makna yang lebih tepat pada ideogram kanji tersebut yang disebut (^{okurigana} 送り仮名) seperti huruf bergaris berikut; 食 <u>べ</u> <u>て</u> <u>い</u> <u>る</u> = tabeteiru = sedang makan. Atau 食 <u>べ</u> <u>た</u> = tabeta = sudah makan. (Huruf yang tidak bergaris adalah kanji)
^{katakana} カタカナ	<ol style="list-style-type: none"> 1. Huruf yang melambangkan bunyi dan sukukata. 2. Bentuknya diambil keseluruhan daripada bentuk kanji. 3. Digunakan untuk menulis perkataan yang asalnya daripada perkataan asing seperti nama orang luar, nama negara luar atau nama tempat di luar negara Jepun. Seperti マレーシア = ^{nare-shia} Malaysia. 4. Istilah khusus seperti kejuruteraan atau kimia juga turut ditulis dalam katakana. 5. Perkataan yang melambangkan bunyi sesuatu benda atau haiwan. 6. Ketika ingin memberikan penekanan terhadap perkataan tersebut.
^{kanji} 漢字	<ol style="list-style-type: none"> 1. Huruf atau ideogram yang melambangkan makna. 2. Satu ideogram mempunyai pelbagai sebutan. 3. Bahasa Jepun mempunyai satu carta yang dipanggil ^{jyouyoukanjihyou} 常用漢字表 = Jadual Am Kanji. Senarai 1945 kanji yang paling kerap digunakan dalam bahasa Jepun secara amnya.
^{romaji} ローマ字 (rumi)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menulis ringkasan perkataan seperti CPU, JR (Japanese Railway). 2. Menulis ukuran metrik seperti cm, kg dan lain-lain. 3. Selain katakana, rumi turut digunakan untuk menulis nama tempat atau nama orang asing.

Senarai *hiragana* boleh seperti yang terdapat dalam bahagian kecil 1.2.1. Berikut adalah senarai huruf *katakana*.

Jadual 1.4
Senarai Huruf Katakana


ア a	イ i	ウ u	エ e	オ o			
カ ka	キ ki	ク ku	ケ ke	コ ko	キヤ kya	キユ kyu	キヨ kyo
ガ ga	ギ gi	グ gu	ゲ ge	ゴ go	ギヤ gya	ギユ gyu	ギヨ gyo
サ sa	シ shi	ス su	セ se	ソ so	シヤ sha	シユ shu	シヨ sho
ザ za	ジ ji	ズ zu	ゼ ze	ゾ zo	ジヤ ja	ジユ ju	ジヨ jo
タ ta	チ chi	ツ tsu	テ te	ト to	チャ cha	チュ chu	チョ cho
ダ da	ヂ dji	ヅ dzu	デ de	ド do			
ナ na	ニ ni	ヌ nu	ネ ne	ノ no	ニヤ nya	ニユ nyu	ニヨ nyo
ハ ha	ヒ hi	フ fu	ヘ he	ホ ho	ヒヤ hya	ヒユ hyu	ヒヨ hyo
バ ba	ビ bi	ブ bu	ベ be	ボ bo	ビヤ bya	ビユ byu	ビヨ byo
パ pa	ピ pi	プ pu	ペ pe	ポ po	ピヤ pya	ピユ pyu	ピヨ pyo
マ ma	ミ mi	ム mu	メ me	モ mo	ミヤ mya	ミユ myu	ミヨ myo
ヤ ya		ユ yu		ヨ yo			
ラ ra	リ ri	ル ru	レ re	ロ ro	リヤ rya	リユ ryu	リヨ ryo
ワ wa				ヲ o			
ン n							

Berikut ialah contoh penggunaan Kanji

Jadual 1.5
Jadual Penggunaan Kanji

読 Baca	読む yomu	Membaca
	読書 dokusho	Bahan bacaan
	読者 dokusha	Pembaca
食 Makan	食べる taberu	Makan
	食べ物 tabemono	Makanan
	食後 syokugo	Selepas makan

Contoh penggunaan tulisan dalam bahasa Jepun adalah seperti yang berikut::



= Tiba di stesen LRT Ampang pada pukul 7 pagi.

Seperti juga bahasa Cina, bahasa Jepun juga ditulis dalam bentuk menegak, tetapi sejak akhir-akhir ini tulisan secara melintang semakin banyak diamalkan.

1.2.3 Tatabahasa Bahasa Jepun

Tatabahasa bahasa Jepun akan dijelaskan mengikut klasifikasi perkataannya. Secara amnya bahasa-bahasa di dunia ini dilihat dari sudut susunannya iaitu Subjek (S), Kata Kerja (V) atau objek (O). Seperti contoh;

Bahasa Inggeris; I (S) eat (V) rice (O)

Bahasa Melayu: Saya (S) makan (V) Nasi (O).

Bahasa Jepun; 私 (S)は ご飯 (O)を 食べます (V)。

Susunan Bahasa Jepun dilihat sebagai S O V. Manakala Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu disusun mengikut S V O. Dalam egara tic asas, perkataan sesuatu bahasa itu dibahagikan dalam kumpulan tertentu atau dikenali sebagai klasifikasi perkataan iaitu sama ada perkataan itu adalah kata nama, kata kerja, kata sifat, kata sendi atau lain-lain bergantung kepada bahasa itu sendiri. Perkataan bahasa Jepun dibahagikan dalam kumpulan tersebut;

Jadual 1.6
Jadual Klasifikasi Perkataan Bahasa Jepun

Klasifikasi Perkataan	Contoh Perkataan	Makna
meishi 名詞 Kata Nama	hana 花 watashi 私 Tokyo 東京	Bunga Saya Tokyo
doushi 動詞 Kata Kerja	neru 寝る hashiru 走る kiku 聞く	Tidur Lari Dengar
i keiyoushi い形容詞 Kata sifat i	utsukushii 美しい isogashii 忙しい takai 高い	Cantik/ Indah Sibuk Mahal
nakeiyoushi な形容詞 Kata sifat Na	benri 便利 genki 元気 shizuka 静か	Berguna Sihat Sunyi
jyoushi 助詞 Partikel/ kata tunjuk	wa は o を e へ	Menunjukkan subjek Menunjukkan objek Menunjukkan destinasi
fukushi 副詞 Adverba	takaku 高く hayaku 早く totemo とても zenzen 全然	~dengan mahal ~dengan segera Sangat~ Langsung tidak~
kopyura コピーラ Kopula	desu です deshita でした da だ	Diletakkan diujung ayat untuk menunjukkan kata lampau atau sebaliknya.

^{meishi} 名詞 Kata Nama

Kata nama dalam bahasa Jepun mempunyai ciri-ciri berikut

1. Terbahagi kepada 2 kumpulan kecil iaitu;

Kata Nama Am : 本^{hon} buku, 机^{tsukue} meja, 会議^{kaigi} mesyuarat dan lain-lain..

Kata Nama Khas: 大阪^{osaka} Osaka, イギリス^{igirisu} Inggeris, 田中^{tanaka} Tanaka

2. Kata ganti nama : 私^{watashi} saya, あなた^{anata} awak
3. Tidak seperti bahasa Perancis atau bahasa Arab, kata nama bahasa Jepun tidak mempunyai jantina.
4. Kata namanya tidak menunjukkan jamak atau tunggal. Kata namanya tidak berubah seperti bahasa Inggeris, contoh 'child' untuk tunggal dan 'children' untuk jamak.
5. Cara penggunaan tatabahasa yang berbeza untuk kata nama benda hidup atau kata nama benda mati. Contohnya;

猫^{neko}がいます。 = Ada kucing 本^{hon}があります。 = Ada buku

^{doushi} 動詞 Kata Kerja

- i) Bentuk kata kerja

Kata kerja bahasa Jepun boleh diubah bentuknya dan memberi makna yang baru kepada perkataan tersebut. Pada dasarnya, kata kerja boleh dibahagi kepada 2 kumpulan besar iaitu ます^{masu}

形^{kei} (bentuk masu/ bentuk sopan) dan 普通形^{futsuukei} (bentuk biasa/ bentuk kamus). Ciri ini boleh dilihat dalam jadual di sebelah;

Jadual 1.7

Senarai Jenis dan Bentuk Kata Kerja Bahasa Jepun

ます形 飲みます	普通形 飲む	Makna Minum	Bentuk Bentuk biasa
飲みません	飲まない	Tidak minum	Bentuk negatif
飲んでいきます	飲んでいく	Sedang minum	Bentuk berterusan
飲んでいません	飲んでいない	Tidak sedang minum	Bentuk berterusan negatif
飲んでしまいます	飲んでしまう	Selesai minum	Bentuk menunjukkan telah selesai
飲んでおきます	飲んでおく	akan minum (sebagai persediaan)	Bentuk persediaan
飲みましょう	飲もう	Jom minum	Bentuk ajakan
飲みたいです	飲みたい	Hendak minum (penutur)	Bentuk keinginan (penutur)
飲みたがっています	飲みたがっている	Hendak minum (orang lain bukan diri sendiri)	Bentuk keinginan (orang lain)
飲んでください	—	Sila minum	Bentuk sila
飲めます	飲める	Boleh minum	Bentuk kebolehan
飲まれます	飲まれる	diminum	Bentuk pasif
飲ませます	飲ませる	suruh minum	Bentuk penyebab pasif
飲まさせます	飲まさせる	paksa minum	Bentuk paksaan
飲んであげます	飲んであげる	minum untuk seseorang	Bentuk memberi & menerima
飲んでくれます	飲んでくれる	minum untuk saya	“
飲んでもらいます	飲んでもらう	minum untuk saya/ orang lain	“
飲んだら～	—	kalau minum～	Bentuk bersyarat
飲めば～	—	kalau minum～	“
飲むと～	—	kalau minum～	“

ii) Kala 過去形・現在形

Setiap bentuk kata kerja bahasa Jepun mempunyai kala lampau dan kala kini kecuali bentuk sila, bentuk mengajak dan bentuk bersyarat seperti yang berikut;;

Jadual 1.8

Jadual Kala Kini dan Kala Lampau untuk Kata Kerja Bahasa Jepun

ます形		普通形	
Kala kini	Kala lampau	Kala kini	Kala lampau
飲みます <i>nomimasu</i>	飲みました <i>nomimashita</i>	飲む <i>nomu</i>	飲んだ <i>onda</i>
飲みません <i>nomimasen</i>	飲みませんでした <i>nomimasendeshita</i>	飲まない <i>nomanai</i>	飲まなかった <i>omanaakatta</i>
飲んでいます <i>ondeimasu</i>	飲んでいました <i>ondeimashita</i>	飲んでいる <i>ondeiru</i>	飲んでいた <i>ondeita</i>
飲んでいません <i>ondeimasen</i>	飲んでいません <i>ondeimasen</i>	飲んでいない <i>ondeirunai</i>	飲んでいなかった <i>ondeinakatta</i>
飲んでしまいます <i>ondeshimasu</i>	飲んでしまいました <i>ondeshimashita</i>	飲んでしまう <i>ondeshiyou</i>	飲んでしまった <i>ondeshimatta</i>
飲んでおきます <i>ondeokimasu</i>	飲んでおきました <i>ondeokimashita</i>	飲んでおく <i>ondeoku</i>	飲んでおいた <i>ondeoita</i>
飲みましょう <i>nomimashyou</i>	飲んでおきませんで <i>ondeokimasendeshita</i>	飲もう <i>nomou</i>	飲みたかった <i>omitakatta</i>
飲みたい <i>omitai</i>	した <i>shita</i>	飲みたい <i>omitai</i>	飲みたがっていた <i>omitagatteita</i>
飲みたがって <i>omitagatte</i>	—	飲みたがっている <i>omitagatteiru</i>	—
います <i>imasu</i>	飲みたかったです <i>omitakattadesu</i>	—	飲めた <i>ometa</i>
飲んでください <i>ondekudasai</i>	飲みたがって <i>omitagatte</i>	飲める <i>omeru</i>	飲まれた <i>omareta</i>
飲めます <i>omemasu</i>	いました <i>imashita</i>	飲まれる <i>omareru</i>	飲ませた <i>omasete</i>
飲まれます <i>omaremasu</i>	—	飲ませる <i>omaseru</i>	飲ませせた <i>omaseseta</i>
飲ませます <i>omaseyasu</i>	飲めました <i>omemashita</i>	飲ませせる <i>omaseseru</i>	飲んであげた <i>ondeageta</i>
飲ませせます <i>omaseyaseru</i>	飲まれました <i>omaremashita</i>	飲んであげる <i>ondeageru</i>	飲んでくれた <i>ondekureta</i>
飲んであげます <i>ondeagemasu</i>	飲ませました <i>omaseyashita</i>	飲んでくれる <i>ondekureru</i>	飲んでもらった <i>ondekoratta</i>
飲んでくれます <i>ondekuremasu</i>	飲ませせました <i>omaseyashita</i>	飲んでもらう <i>ondemorau</i>	—
飲んでもらいます <i>ondemoraimasu</i>	飲んであげました <i>ondeagemashita</i>	—	—
飲んだら～ <i>ondara~</i>	飲んでくれました <i>ondekuremashita</i>	—	—
飲めば～ <i>omeba~</i>	飲んでもらいました <i>ondeomoraimashita</i>	—	—
飲むと～ <i>omuto~</i>	—	—	—

iii) Aspek *aspekku*ト

Satu lagi sifat kata kerja bahasa Jepun ialah ciri yang dikenali sebagai *aspekku*ト.

Ciri ini ialah *doushi* 動詞 atau kata kerja bahasa Jepun dicantum dengan kata kerja lain atau perkataan lain yang menunjukkan perjalanan atau keadaan proses kata kerja tersebut seperti contoh berikut;

- a. Akan dimulakan $\text{ke-ki o taberutokorodesu}$ ケーキを食べるところです。 = Akan mula makan kek
- b. Baru sahaja dimulakan $\text{ke-ki o tabehajimeta}$ ケーキを食べ始めた = mula makan kek
- c. Sedang berlaku ke-ki o tabeteiru ケーキを食べている = Sedang makan kek
- d. Tidak selesai tabekaketake-ki 食べかけたケーキ = kek yang dimakan separuh
- e. Baru selesai $\text{ke-ki o tabetatokoro}$ ケーキを食べたところ = baru selesai makan kek
- f. Telah selesai $\text{ke-ki o tabeteshimatta}$ ケーキを食べてしまった = Habis makan keseluruhan kek.

iv) Kata Kerja Transitif dan Tidak Transitif

Doushi turut dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu transitif-kata kerja yang berlaku dengan sendirinya dan Tidak transitif-kata kerja yang dilakukan oleh subjek.

Seperti contoh ayat berikut;

1. $\text{tanakas anwado o akemasu}$ 田中さんはドアを開けます。 Tanaka membuka pintu. [Kata kerja Transitif]
2. $\text{maenitatsutodo o aga aketa}$ 前に立つとドアが開けた。 Berdiri di depan dan pintu akan terbuka. [Kata kerja Tidak Transitif]

keiyoushi 形容詞 Kata Sifat

Kata sifat bahasa Jepun terbahagi kepada 2 kumpulan utama iaitu;

Jadual 1.9

Senarai Jenis-Jenis Kata Sifat Bahasa Jepun

i keiyoushi イ形容詞/ kata sifat i		nakeiyoushi ナ形容詞/ kata sifat na	
atarashii 新しい	baru	genki 元気	sihat
furui 古い	lama	shizuka 静か	sunyi
takai 高い	mahal/tinggi	benri 便利	berguna
aoi 青い	biru	hima 暇	tidak sibuk
akai 赤い	merah	shinsetsu 親切	suka menolong
isogeshii 忙しい	sibuk	nigiyaka 賑やか	riuh

Seperti juga kata kerjanya, kata sifat bahasa Jepun mempunyai bentuk negatif serta kala lampau dan kala kini seperti yang berikut:.

Jadual 1.10

Jadual Kala Kini dan Kala Lampau untuk Kata Sifat Bahasa Jepun

Kata sifat I	Makna	Bentuk negatif	Bentuk kala lampau positif	Bentuk kala lampau negatif
atarashii 新しい	Baru	atarashikunai 新しくない	atarashikatta 新しくなった	atarashikunakatta 新しくなかった
furui 古い	Lama	furukunai 古くない	furukatta 古かった	furukunakatta 古くなかった
takai 高い	Tinggi	takakunai 高くない	takakatta 高かった	takakunakatta 高くなかった
akai 赤い	Merah	akakunai 赤くない	akakatta 赤かった	akakunakatta 赤くなかった
isogashii 忙しい	Sibuk	isogashikunai 忙しくない	isogashikatta 忙しかった	isogashikunakatta 忙しくなかった
Kata sifat na	Makna	Bentuk negatif	Bentuk kala lampau positif	Bentuk kala lampau negatif
shizuka 静か	sunyi	shizukajyanai 静かじゃない	shizukadatta 静かだった	shizukajyanakatta 静かじゃなかった
benri 便利	berguna	benrijyanai 便利じゃない	benridatta 便利だった	benrijyanakatta 便利じゃなかった
hima 暇	lapang	himajyanai 暇じゃない	himadatta 暇だった	himajyanakatta 暇じゃなかった
genki 元気	sihat	genkijyanai 元気じゃない	genkidatta 元気だった	genkijyanakatta 元気じゃなかった
yuumei 有名	Terkenal	yuumeijyanai 有名じゃない	yuumeidatta 有名だった	yuumeijyanakatta 有名じゃなかった

Selain pembahagian di atas, kata sifat atau *keiyoushi* ini turut dibahagikan kepada 2 kumpulan seperti yang berikut:;

1. 属性形容詞 : Kata sifat yang menunjukkan sifat fizikal atau sesuatu yang jelas.
2. 感情形容詞 : Kata sifat yang melibatkan perasaan, penilaian yang lebih bersifat subjektif.

Ada juga kata sifat yang tergolong dalam kedua-dua kumpulan tersebut seperti contoh;

isogashii
忙しい=sibuk、oishii
おいしい=sedap、koi
怖い=takut、tsumaranai
つまらない=bosan.

Pembahagian ini perlu diberi perhatian kerana mempunyai penggunaan yang berbeza atau pantang larang tertentu iaitu, kata sifat emosi hanya boleh menggambarkan emosi yang dirasakan oleh si penutur kerana dalam budaya Jepun, orang lain tidak akan boleh memahami serta mengetahui apa yang ada dalam hati orang lain, oleh itu penutur tidak boleh bercerita tentang

perasaan orang lain kerana dia tidak tahu apa sebenarnya yang tersirat dalam hati orang lain. Dia hanya boleh bercerita tentang perasaannya sahaja. Seperti contoh ayat berikut;

^{ashita nihon e itte Alisanwa ureshiidesu}
明日 日本へ 行って、アリさんは うれしいです。×
Ali gembira kerana esok dia akan berlepas ke Jepun

^{tanaka san wa hazukashiidesu}
田中さんは恥ずかしいです。×
Tanaka berasa malu.

^{ashita nihon e itte ureshiidesu}
明日 日本へ 行って、うれしいです。✓
Saya gembira kerana esok akan ke Jepun

Atas alasan ini, subjek boleh digugurkan kerana telah ditetapkan subjek adalah si penutur itu sendiri seperti contoh;

^{jikka e kaette ureshiidesu}
実家へ帰って、うれしいです。 Gembira kerana pulang ke kampung.

(Perkataan ^{watashi} 私 yang bermaksud saya digugurkan. Bagi bahasa Jepun, subjek untuk ayat di atas ialah ^{watashi} 私 = saya. Ciri ini adalah satu keistimewaan kerana peraturan seperti ini tidak wujud dalam Bahasa Inggeris mahupun Bahasa Melayu.

^{jyoshi} 助詞/ Partikel

^{jyo shi}
助詞 atau partikel didefinisikan sebagai kata tunjuk. Perkataan yang menjadi penghubung antara perkataan dan tidak boleh berdiri dengan sendiri. Bergantung kepada perkataan lain untuk makna atau fungsinya wujud. Jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris, ia boleh dianggap mempunyai persamaan dengan *preposition* atau kata sendi. Dalam masa yang sama ia digelar kata tunjuk kerana ia dianggap sebagai penanda kepada subjek, objek atau prediket sesuatu ayat itu. Secara fizikalnya, partikel ini terdiri daripada satu huruf atau paling banyak 3 huruf.